

**TEKS UCAPAN
YB MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PELUNCURAN INISIATIF
CERMAT MADANI**

**9 JUN 2026
2.30 PETANG
BERJAYA TIMES SQUARE HOTEL**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
Hadirin yang saya hormati,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini, khususnya wakil industri insurans, agensi kerajaan, rakan strategik dan rakan-rakan media. Kehadiran semua pihak mencerminkan komitmen bersama untuk memperkukuh keselamatan jalan raya melalui pendekatan yang lebih progresif, berasaskan data dan memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.
2. Hari ini, kita melancarkan CERMAT MADANI, satu inisiatif yang bertujuan untuk menggalakkan budaya pemanduan yang lebih selamat, bertanggungjawab dan berhemah melalui penggunaan maklumat serta data yang relevan dalam penilaian risiko insurans kenderaan.
3. Inisiatif ini berasaskan satu prinsip yang mudah, iaitu pemandu yang mematuhi undang-undang, mempunyai rekod pemanduan yang baik dan sentiasa mengutamakan keselamatan wajar diberikan pengiktirafan yang setimpal.

MYJPJ SEBAGAI GERBANG PERKHIDMATAN DIGITAL

4. Sejak tahun 2025, Kementerian Pengangkutan Malaysia menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia telah mula bekerjasama dengan rakan-rakan strategik untuk menawarkan perkhidmatan insurans kenderaan melalui aplikasi MyJPJ.

5. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menjadikan MyJPJ bukan sahaja sebagai aplikasi bagi urusan dan semakan perkhidmatan JPJ, tetapi juga sebagai sebuah gerbang digital yang lebih menyeluruh, mudah dan mesra rakyat.

6. Kementerian Pengangkutan juga menggalakkan penyertaan lebih ramai pemain industri yang berkecayaan untuk menawarkan perkhidmatan pihak ketiga melalui aplikasi MyJPJ, tertakluk kepada keperluan teknikal, keselamatan data dan tadbir urus yang ditetapkan oleh Kerajaan.

7. Pendekatan ini membuka ruang kepada industri untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih inovatif dan kompetitif, di samping memberikan lebih banyak pilihan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, Kerajaan melihat bahawa kita boleh melangkah lebih jauh daripada sekadar menyediakan saluran untuk membeli atau memperbaharui perlindungan insurans secara digital.

8. Dalam konteks ini, MyJPJ berperanan sebagai pemula dan gerbang digital yang membuka ruang kepada inovasi perkhidmatan, manakala manfaat premium kepada pengguna adalah berasaskan penilaian risiko oleh industri insurans dan takaful.

9. Melalui CERMAT MADANI, kita mahu memajukan pendekatan tersebut kepada satu tahap yang lebih bermakna, iaitu dengan membolehkan penilaian premium insurans dibuat secara lebih berasaskan risiko sebenar pemandu dan kenderaan.

PREMIUM BERASASKAN RISIKO — GANJARAN KEPADA PEMANDU BERHEMAH

10. Bank Negara Malaysia telah melaksanakan liberalisasi tarif insurans motor secara berperingkat, yang memberikan ruang kepada penanggung insurans dan takaful untuk menawarkan produk serta menetapkan premium berdasarkan penilaian risiko yang lebih terperinci.

11. Dalam persekitaran insurans yang lebih berasaskan risiko, pemandu yang mempunyai rekod pemanduan yang baik, mematuhi undang-undang dan menunjukkan tahap risiko yang lebih rendah sepatutnya berpeluang menikmati premium yang lebih kompetitif.

12. Prinsipnya mudah. Pemandu yang berhemah tidak seharusnya dinilai dengan cara yang sama seperti pemandu yang kerap melakukan kesalahan atau mempunyai profil risiko yang lebih tinggi.

13. Pemandu yang memandu secara selamat, berdisiplin dan bertanggungjawab perlu diberikan ganjaran yang bermakna. Ganjaran ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu, tetapi turut mewujudkan insentif kepada masyarakat untuk membudayakan pemanduan yang lebih selamat.

14. Melalui pendekatan penetapan premium berasaskan risiko, maklumat yang relevan seperti rekod kesalahan lalu lintas, tingkah laku pemanduan dan profil kenderaan boleh membantu industri insurans dan takaful membuat penilaian risiko secara lebih tepat, adil dan berasaskan bukti.

15. Di bawah CERMAT MADANI, pemandu yang memandu secara berhemah dan dinilai mempunyai profil risiko lebih rendah boleh dipertimbangkan untuk menikmati manfaat premium sehingga 10%, tertakluk kepada penilaian dan keputusan syarikat insurans atau pengendali takaful yang mengambil bahagian.

16. Ini bermakna tingkah laku pemanduan yang selamat bukan sahaja membantu mengurangkan risiko kemalangan, tetapi juga boleh memberikan manfaat kewangan secara langsung kepada pemandu melalui premium insurans yang lebih kompetitif.

17. CERMAT MADANI akan dilaksanakan secara berperingkat. Pada fasa permulaan, inisiatif ini menyediakan asas kerjasama antara Kerajaan dengan industri insurans dan takaful bagi membolehkan manfaat kepada pemandu berhemah diberikan secara lebih tersusun.

18. Seterusnya, pendekatan ini akan diperkukuh melalui penggunaan data dan kaedah penilaian risiko yang lebih menyeluruh, supaya manfaat premium dapat diberikan secara lebih tepat, adil dan mampan.

19. Manfaat premium di bawah inisiatif ini adalah berbeza daripada rebat atau promosi komersial. Ia hendaklah berasaskan profil risiko

sebenarnya pemandu serta keputusan penilaian oleh syarikat insurans atau pengendali takaful masing-masing.

KESELAMATAN JALAN RAYA — MENGUBAH TINGKAH LAKU DAN MELINDUNGI NYAWA

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

20. CERMAT MADANI bukan sekadar satu pembaharuan dalam sistem insurans. Ia merupakan satu intervensi keselamatan jalan raya yang menggunakan insentif ekonomi untuk mempengaruhi tingkah laku pemanduan secara positif.

21. Apabila pemanduan selamat diberi nilai dan pengiktirafan, kita ingin melihat lebih ramai pemandu mematuhi had laju, mematuhi isyarat lalu lintas, mengelakkan kesalahan berulang dan lebih bertanggungjawab terhadap keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

22. Keselamatan jalan raya bukan hanya soal statistik atau angka. Ia adalah soal nyawa manusia, keselamatan keluarga dan kesejahteraan komuniti. Setiap perubahan tingkah laku yang dapat mencegah kemalangan, mengurangkan kecederaan dan menyelamatkan nyawa merupakan satu kejayaan yang tidak ternilai.

PENUTUP

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

23. CERMAT MADANI mencerminkan pendekatan Kerajaan MADANI yang menekankan penggunaan teknologi dan data untuk menghasilkan dasar yang lebih bersasar, memberi manfaat nyata kepada rakyat dan pada masa yang sama meningkatkan keselamatan jalan raya negara.

24. Kerajaan mahu memastikan jalan raya negara menjadi lebih selamat, sistem penilaian premium insurans menjadi lebih adil, dan rakyat yang memandu secara berhemah terus diberikan penghargaan sewajarnya.

25. Marilah kita bersama-sama membudayakan pemanduan selamat, bukan semata-mata untuk mendapatkan ganjaran, tetapi demi melindungi diri, keluarga dan semua pengguna jalan raya.

26. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Inisiatif CERMAT MADANI.

Terima kasih.

9 JUN 2026